



# LAPORAN RAHMAN TALIB

- Jawatankuasa mengkaji pelajaran yang diketuai oleh Abdul Rahman Talib pada tahun 1960.
- Tujuan penubuhan jawatankuasa ialah menyemak semula Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 dan mengukuhkan pelaksanaan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.
- Laporan Rahman Talib menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961 dan penyemakan Dasar Pendidikan Kebangsaan seterusnya.
- Laporan Rahman Talib mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan untuk memupuk perpaduan dan integrasi.
- Laporan Rahman Talib mencadangkan beberapa penambahan.
- Mata pelajaran Sejarah diberi penekanan bagi menanam perasaan cinta dan kesetiaan terhadap negara.
- Mata pelajaran Tatarakyat diwajibkan untuk membentuk sikap bertoleransi, bekerjasama dan persefahaman antara kaum.
- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan kerana penggunaan bahasa yang seragam dapat mewujudkan perpaduan.
- Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan negara kita bagi semua jenis sekolah kerana kurikulum yang berorientasikan negara dapat mewujudkan perasaan cinta akan negara.
- Laporan Rahman Talib dibuat penambahbaikan dan dilaksanakan sepenuhnya melalui Kajian Aminuddin Baki.